

## **Soal Selidik Pfizer Pernyataan Privasi**

Pernyataan privasi ini berkaitan dengan soal selidik (“**Soal Selidik**”) yang akan dilengkapkan oleh atau bagi pihak syarikat, entiti atau individu (“**Pemohon**”) yang atau yang bercadang untuk memasuki perjanjian dengan Pfizer dan/atau menerima pembiayaan atau sokongan lain dari Pfizer. Sekiranya anda mempunyai soalan, sila gunakan maklumat hubungan yang disediakan di bahagian “Hubungi kami” di bawah.

### **Pengumpulan dan penggunaan maklumat**

Sila maklum bahawa dalam Soal Selidik tersebut kami meminta maklumat peribadi. Maklumat yang kami minta dan diberikan oleh anda sebagai balasan kepada Soal Selidik tersebut mungkin termasuk maklumat yang berkaitan dengan individu yang boleh dikenal pasti, seperti nama, maklumat hubungan, maklumat perbankan, butiran perniagaan/organisasi, siasatan jenayah, dan perhubungan dengan Pegawai Kerajaan. Maklumat peribadi akan diproses oleh Pfizer untuk mematuhi keperluan undang-undang, termasuk melarang pembayaran rasuah kepada Pegawai Kerajaan bagi tujuan memperoleh atau mengekalkan perniagaan.

Anda mungkin berkewajipan di bawah undang-undang yang berkaitan untuk memberi notis kepada individu yang mana maklumat peribadi mereka telah didedahkan oleh anda dan untuk mendapatkan persetujuan mereka bagi pengumpulan, penggunaan, dan pendedahan maklumat peribadi mereka. Dengan menyerahkan maklumat peribadi melalui Soal Selidik ini, anda menyatakan bahawa anda telah memberikan apa-apa notis yang berkenaan dan memperoleh apa-apa persetujuan yang diperlukan.

Pfizer boleh juga mengumpul maklumat daripada sumber selain daripada Soal Selidik khusus yang diserahkan oleh anda. Maklumat ini mungkin diperoleh daripada rekod sedia ada Pfizer dan/atau daripada sumber pihak ketiga, seperti pangkalan data yang menggunakan maklumat yang boleh diakses secara umum dan kadang kala entiti swasta yang mengumpul maklumat bagi pihak kami.

Maklumat yang dikumpul melalui atau berkaitan dengan Soal Selidik ini (“**Maklumat**”) akan dianalisis untuk menilai risiko berkaitan dengan undang-undang anti-rasuah dan boleh digunakan untuk melakukan pemeriksaan latar belakang. Melengkapkan Soal Selidik adalah secara sukarela. Walau bagaimanapun, jika Pemohon gagal melengkapkan Soal Selidik, atau tidak dapat memberikan semua maklumat yang diperlukan, Pfizer boleh dihalang daripada menjalankan perniagaan dengan Pemohon atau daripada menyediakan pembiayaan atau sokongan yang berkaitan.

### **Pendedahan maklumat dan pemindahan rentas sempadan**

Entiti yang bertanggungjawab dalam pemrosesan maklumat peribadi untuk tujuan Soal Selidik adalah entiti Pfizer yang bercadang untuk memasuki perjanjian atau menyediakan pembiayaan atau sokongan lain kepada Pemohon. Entiti tersebut akan memberikan Maklumat kepada Pfizer, Inc., sebuah perbadanan AS, yang akan mengekalkan Maklumat tersebut di Amerika Syarikat untuk tujuan pematuhannya sendiri. Sesetengah maklumat daripada Soal Selidik ini akan tersedia kepada semua entiti kumpulan Pfizer di seluruh dunia agar mereka mengetahui bahawa Soal Selidik telah dilengkapkan sekiranya mereka bercadang untuk mengadakan perjanjian dengan Pemohon pada masa hadapan. Senarai entiti Pfizer serta lokasi masing-masingnya boleh didapati di

<https://selfservehosteu.pfizer.com/legal-entities>. Dalam sesetengah keadaan, sekutu Pfizer akan diberi akses kepada Maklumat penuh yang dikumpulkan. Dalam sesetengah kes, pembekal pihak ketiga menerima akses kepada Maklumat supaya maklumat itu boleh diprosesnya bagi pihak ahli kumpulan Pfizer yang lain, sebagai pembekal perkhidmatan, di bawah syarat kerahsiaan dan keselamatan yang ketat. Jika kebimbangan pematuhan berkemungkinan dikenal pasti, Maklumat akan dipertimbangkan selanjutnya oleh Pfizer dan/atau boleh didedahkan kepada penasihat undang-undang luaran Pfizer dan/atau boleh didedahkan kepada pihak berkuasa pengawalseliaan persekutuan, negeri, negara atau tempatan di AS atau negara lain.

Seperti yang dinyatakan di atas, maklumat peribadi boleh dipindahkan ke Amerika Syarikat atau negara lain yang mungkin mempunyai undang-undang privasi berlainan. Berkenaan dengan Kawasan Ekonomi Eropah (European Economic Area, EEA), kami telah menyediakan langkah-langkah yang mencukupi, seperti klausa kontrak standard yang diterima oleh Suruhanjaya Eropah, untuk melindungi maklumat peribadi. Pihak Individu boleh mendapatkan satu salinan langkah-langkah ini di [https://ec.europa.eu/info/law/law-topic/data-protection/data-transfers-outside-eu/model-contracts-transfer-personal-data-third-countries\\_en](https://ec.europa.eu/info/law/law-topic/data-protection/data-transfers-outside-eu/model-contracts-transfer-personal-data-third-countries_en).

### **Hak Individu**

Jika mana-mana individu yang maklumat peribadinya dimasukkan ke dalam respons Soal Selidik ingin meminta untuk menyemak, memperbetulkan, mengemaskini, menghalang, menghadkan atau memadam maklumat peribadi atau permintaan untuk mengalihkan maklumat peribadi (setakat hak untuk kemudahan data ini dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai), individu harus menghubungi [Procurement-GDPR-Team@pfizer.com](mailto:Procurement-GDPR-Team@pfizer.com). Kami mungkin perlu mengesahkan identiti individu sebelum melaksanakan permintaan tersebut. Kami akan cuba mematuhi permintaan itu secepat mungkin ia boleh dilaksanakan dengan sewajarnya.

Maklumat tambahan untuk EEA: (i) anda boleh membuat aduan kepada pihak berkuasa perlindungan data untuk negara atau wilayah yang berkaitan, atau di negara tempat pelanggaran undang-undang perlindungan data terpakai didakwa berlaku (rujuk kepada [http://ec.europa.eu/newsroom/article29/item-detail.cfm?item\\_id=612080](http://ec.europa.eu/newsroom/article29/item-detail.cfm?item_id=612080)); dan/atau (ii) hubungi Pegawai Perlindungan Data Pfizer di mana maklumat hubungan beliau adalah tersedia di [dpo.pfizer.com](mailto:dpo.pfizer.com).

### **Pengekalan maklumat**

Maklumat akan dikekalkan untuk tempoh yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang yang terpakai. Kriteria berikut digunakan bagi menentukan tempoh penyimpanan kami: (i) tempoh masa di mana kami mengekalkan hubungan dengan Pemohon; (ii) kewajipan undang-undang yang tertakluk; dan (iii) seperti yang dinasihatkan menurut kedudukan undang-undang kami (seperti berkenaan dengan batasan undang-undang, litigasi, atau penyiasatan pengawalseliaan terpakai).

### **Hubungi kami**

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau kebimbangan mengenai Pernyataan Privasi ini atau bagaimana Pfizer mengumpul dan menggunakan maklumat peribadi, atau jika anda ingin mendapatkan maklumat mengenai langkah-langkah wajar yang kami sediakan untuk pemindahan,

sila hubungi kami di [DataProtectionUK@Pfizer.com](mailto:DataProtectionUK@Pfizer.com), atau **secara bertulis ke alamat berikut**: Pfizer Limited, IPC 1-1, Walton Oaks, Dorking Road, Tadworth, Surrey KT20 7NS.

Oleh kerana komunikasi e-mel tidak selalu selamat, jangan masukkan maklumat sensitif dalam e-mel anda kepada kami.